

14 NOV 1996

Agong-Perutusan

PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN PALESTIN

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Palestine Yasser Arafat, sempena ulangtahun kemerdekaan negara itu.

Menurut kenyataan Wisma Putra, Tuanku Ja'afar menyampaikan ucapan tahniah dan berharap Palestin akan terus makmur dan rakyatnya hidup sejahtera.

Tuanku Ja'afar berharap, Arafat yang juga pengerusi eksekutif Pertubuhan Pembebasan Palestine (PLO) akan menikmati taraf kesihatan yang baik untuk memajukan lagi negara itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan lebih kurang sama kepada Arafat dan rakyat Palestin.

Dr Mahathir berkata beliau sentiasa mengikuti perkembangan politik di Palestin dan menghargai perbincangan baru-baru ini di Harare semasa Persidangan Tenaga Suria Dunia.

Beliau mendoakan kejayaan Arafat yang berterusan dalam membawa kemajuan dan kemakmuran bagi rakyat Palestin.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga mengucapkan tahniah kepada rakan sejawatannya, Farouk Kaddoumi.

Beliau berkata, Malaysia dan Palestin sentiasa menjalin hubungan yang mesra dan rapat dan berharap kerjasama dan persahabatan itu akan terus dipertingkatkan. -- BERNAMA

NZ PR